



"BERPEGANGLAH DENGAN ULAMA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ¹</p>	<p>2</p>
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	<p>3</p>
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:</p>	<p>4</p>
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melakukan segala yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala yang ditegah oleh-Nya. Semoga dengan keimanan yang teguh kita akan mendapat keredhaan Allah SWT, seterusnya menjadi hamba-Nya yang berjaya di dunia dan juga di akhirat.</p>	<p>5</p>
<p>Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "BERPEGANGLAH DENGAN ULAMA".</p> <p>Hadirin Jumaat yang berbahagia,</p>	<p>6</p>
<p>Ajaran Islam dibawa oleh Rasulullah SAW berpandukan wahyu Allah SWT. Selepas kewafatan Baginda, usaha murni kerja-kerja dakwah diteruskan pula oleh para Sahabat, tabi'in, tabi' attabi'in dan seterusnya para ulama selepas mereka. Segenap pelusuk dunia mereka jelajahi demi untuk memastikan nikmat Iman dan Islam dinikmati oleh seluruh umat manusia.</p>	<p>7</p>

¹ Fathir : 28.



<p>Namun, kini masyarakat umum termasuk segelintir umat Islam berani untuk mempertikaikan peranan ulama. Malah mereka turut menghina dan merendahkan martabat para ulama. Mereka juga menolak warisan tafsir para ulama silam. Bagi mereka cukup dengan akal sahaja dan menjadi hak individu untuk menafsir sendiri al-Quran.</p> <p>Tidak cukup dengan itu, mereka menyatakan ulama sebenarnya tiada dalam Islam. Bahkan pendukung golongan anti hadis telah menyatakan bahawa konsep ulama diambil dari agama hindu dan kristian.</p>	8
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Siapakah yang digelar ulama? Apa pula ciri-ciri seseorang yang bergelar ulama? Menurut Kamus Dewan, ulama bermaksud orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam. Kepakaran seseorang ulama diakui oleh ulama lain yang setaraf atau lebih tinggi taraf keilmuannya.</p>	9
<p>Rasulullah SAW juga ada menjelaskan siapakah yang digelar ulama. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu al-Darda' Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، إِنَّمَا وَرِثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَ بِهِ فَقَدْ أَخَذَ بِحِظِّ وَافِرٍ</p>	10
<p><i>"Sesungguhnya ulama adalah pewaris para nabi, para nabi tidak mewariskan kepada mereka dinar dan dirham, sesungguhnya mereka hanya mewariskan ilmu, maka sesiapa yang mendapatkan ilmu itu, sungguh dia telah mendapat keuntungan yang banyak".</i></p> <p><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	11



Berdasarkan hadis ini jelas menunjukkan bahawa perkataan ulama disebut oleh Nabi SAW. Ini menunjukkan ulama dan peranannya ada dalam Islam dan bukannya divedok daripada agama-agama lain.	12
Sesungguhnya seseorang yang bergelar ulama itu ialah mereka yang menguasai ilmu-ilmu dalam Islam seperti ilmu tauhid, tafsir, hadis, fiqh, tasawuf dan sebagainya.	13
Sebagai contoh, para imam mazhab yang empat, al-Imam Abu Hanifah, al-Imam Malik, al-Imam Ahmad bin Hanbal dan al-Imam al-Syafie termasuk juga al-Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan al-Imam al-Ghazali merupakan para ulama yang muktabar. Mereka inilah para ulama sebenar yang takut kepada Allah SWT.	14
Firman Allah SWT dalam surah Fathir ayat 28 sebagaimana yang telah dibacakan di awal khutbah tadi: <p style="text-align: center;">إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ</p> "Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah ulama (orang-orang yang berilmu) ".	15
Seseorang ulama diukur berdasarkan ilmu dan ketakwaannya. Ilmunya adalah berpandukan kepada rujukan utama dalam Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qiyas. Seseorang ulama yang sebenar tidak akan bercakap berdasarkan hawa nafsu, akal fikiran dan emosi mereka semata-mata.	16



<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Dalam Islam, ulama berada pada kedudukan yang mulia kerana tanggungjawab yang dipikul amatlah besar. Tugas mereka diwarisi daripada para nabi. Mereka berperanan untuk menerangkan apa yang baik dan apa yang buruk, apa yang benar dan apa yang salah. Segala yang disampaikan berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah.</p>	17
<p>Islam juga mengajar umatnya agar menghormati dan menjaga adab-adab dengan seorang ulama. Para ulama dihormati dan dimuliakan bukan kerana kesucian dan kemaksuman mereka tetapi adalah kerana ketinggian ilmunya.</p>	18
<p>Antara adab-adab yang perlu dijaga adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Menerima teguran dan nasihat yang diberikan dalam perkara taat.2. Mendampingi para ulama supaya menambah ilmu dan memperoleh keberkatannya.3. Menghindari sikap suka membantah, mempertikai atau melawan.4. Menghindarkan diri daripada menuturkan kata-kata yang boleh menyinggung perasaan.5. Menutur dengan baik dan menegur dengan cara berhikmah.	19
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Perlu disedari bahawa sesuatu ilmu itu adalah datangnye daripada Allah SWT. Ia akan disampaikan melalui hamba-hamba-Nya yang ikhlas. Allah SWT akan mengambil semula ilmu yang telah dipinjamkan kepada hamba-hamba-Nya dengan cara mematikan para ulama. Akhirnya, manusia akan menjadikan orang-orang yang jahil sebagai rujukan mereka hingga membawa kepada kesesatan.</p>	20



<p>Rasulullah SAW pernah bersabda berkenaan perkara yang akan berlaku ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru Radiallahuanhuma dengan sabdanya:</p> <p>إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ، وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ، حَتَّى إِذَا لَمْ يُبْقِ عَالِمًا اتَّخَذَ النَّاسُ رُءُوسًا جُهَالًا، فَسُئِلُوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا</p>	21
<p><i>“Sesungguhnya Allah SWT tidak mencabut ilmu begitu sahaja daripada manusia, tetapi Dia mencabutnya dengan mematikan ulama, sehingga apabila tiada lagi ulama, manusia akan mengambil para pemimpin yang jahil, lalu apabila ditanya dan mereka menjawab dengan tanpa ilmu, maka jadilah mereka sesat dan menyesatkan”.</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	22
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengingatkan kita semua agar dapat mengambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa berdampingan dan memuliakan ulama dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.2. Umat Islam hendaklah menuntut ilmu secara berguru dengan para ulama yang muktabar.3. Umat Islam wajib menjaga adab-adab ketika bermuamalah dengan para ulama.	23



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ ۖ جَهَنَّمَ سَاءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾</p>	24
<p><i>“Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Nisa': 115).</i></p>	25
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	26
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	27




KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p> <p>وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	3
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpul mati. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4



<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَكَو أَمِيرِ شاه إِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُومَرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمَوْظُفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10



<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	12
	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ أَوْ نَعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15